

Gesa kaji semula projek sedut pasir

Penduduk, nelayan mahu selesai masalah muara cetek



Sebahagian penduduk dan nelayan Kuala Besar mengadakan bantahan aman mahu projek sedut pasir dikaji semula, semalam.

HABSAH ISMAIL

KOTA BHARU - Kecewa dengan projek menyedut pasir di hadapan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Besar, nelayan di sini mahu ia dikaji semula bagi mengelak masalah terutamanya debu.

Kekesalan tersebut dinyatakan penduduk di sekitar Kuala Besar di mana sungainya bersambung dengan perairan sempadan Tumpat iaitu Pulau Suri dan Teluk Renjuna berikutan usaha menyedut pasir dijalankan sejak akhir tahun lalu.

Wakil penduduk dan nelayan, Nik Mohd Kamal Husin, 49, mendakwa, projek itu menyebabkan lebih 2,000 penduduk terganggu dengan kehadiran lori

dan masalah debu tebal ketika panas.

"Kami merayu supaya kerajaan negeri buatlah kajian semula dengan projek sedut pasir ini kerana ia beri masalah apabila lori keluar masuk mengambil pasir di hadapan LKIM.

"Usaha ini juga turut menjejaskan kesihatan penduduk berikutan debu berterbangan semasa kerja mengorek pasir," dakwanya kepada media selepas mengadakan bantahan aman di hadapan tapak projek sedut pasir berhampiran LKIM, di sini, semalam.

Bantahan aman itu disertai lebih 200 penduduk dan nelayan yang meminta jasa baik Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob turun meninjau secara dekat permasalahan yang dihadapi.

Nik Mohd Kamal berkata, sepatutnya kerajaan negeri menyelesaikan masalah muara cetek yang menyukarkan bot melalui tempat itu untuk keluar laut.

"Lebih baik selesaikan masalah cetek dengan memperdalam muara yang membelenggu nelayan bertahun lamanya," dakwanya.

Sementara itu, wakil penduduk Nik Mustapa Nik Leh, 54, mendakwa, bantahan itu tidak bermaksud mereka halang pembangunan, tetapi mahu kerajaan negeri lebih prihatin dengan masalah nelayan.

"Nelayan Kuala Besar kini terpaksa menggunakan perahu kecil dalam 500 meter untuk sampai ke laut disebabkan muara cetek," katanya.